



UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

[Laman Utama Ekonomi](#) | [Senarai Berita](#) | [Pasaran](#) | [Rancangan Malaysia Ke-10](#) |

 | [A+ A-](#) | [Reset](#) | [LB:](#) | [Malay](#) | [English](#) | [中文](#) | [عربي](#)

BERNAMA.COM

ekonomi » berita

CARIAN

GO

 Berita
 Who's Who

15 Jun, 2011 14:58 PM

MOSTI Tubuh Pusat Nanomalaysia Bernilai Rm200 Juta Di Taman Hitech Senai

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan (NND), unit kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), akan mewujudkan sebuah kompleks Pusat NanoMalaysia bernilai RM200 juta di Taman Teknologi Tinggi Senai, Johor.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili berkata projek itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, akan menjadi yang pertama seumpamanya di Malaysia bagi memacukan lagi perkembangan nanoteknologi.

"Pusat itu dijangka siap dalam tempoh 12 bulan dengan pusat-pusat pentadbiran dan inkubasi," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan dan Ekspo NanoMalaysia 2011 di sini Rabu.

Ia akan bertindak sebagai pusat sehenti untuk aktiviti nano sains dan teknologi dan menyediakan "hubungan yang hilang" antara makmal dan pasaran.

Pusat itu akan dimajukan oleh Senai High Tech Park Sdn Bhd menerusi konsep kerjasama swasta-awam. Ia akan diuruskan oleh NND dengan perbadanan NanoMalaysia Bhd sebagai jentera komersil.

Pembangunan pusat itu ialah sebahagian daripada Hala Tuju Program NanoMalaysia bagi memudahkan dan menyediakan platform pengkomersilan, termasuk kemudahan inkubator teknologi.

Ongkili berkata pusat itu bertujuan mewujudkan kelompok besar penting usahawan dan memudahkan kewujudan syarikat-syarikat berasaskan nanoteknologi baharu.

"Ia akan menyediakan infrastruktur dan kemudahan dengan persekitaran kondusif bagi aktiviti penyelidikan nano hiliran, serta sebagai tempat kerja para saintis dan pakar nanoteknologi," kata beliau.

Di bawah Pelan Induk Program NanoMalaysia selama 10 tahun dari tempoh 2010-2020, ia dijangka dapat meningkatkan bakat dengan pengetahuan tinggi dalam sains nano dan teknologi dan mengkomersilkan tiga produk tempatan iaitu aerogel, tiub nano karbon dan pemangkin nano pada 2012/2013.

Program itu bertujuan menjana antara RM100 juta dan RM150 juta dalam perniagaan pada tahun 2012/2013 dan RM300 juta pada 2015.

Pada majlis itu, MOSTI telah mengiktiraf lima pusat penyelidikan dan pembangunan kecemerlangan daripada 17 seluruh negara bagi menyumbang ke arah mencapai aspirasi nano Malaysia.

Kelima-lima pusat itu ialah Pusat Inovatif Nanostruktur dan Nanoperanti Universiti Teknologi Petronas; Institut kajian Sains Fundamental Ibnu Sina Universiti Teknologi Malaysia; Institut Kejuruteraan Mikro dan Nano Elektronik Universiti Kebangsaan Malaysia; Institut Kejuruteraan Nano Elektronik Universiti Malaysia Perlis; dan Mimos Nanoelectronics.

-- BERNAMA

**Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).**

[Kembali](#) [Ke Atas](#)

Berita-berita Lain

[BNM Keluar Amaran Penipuan Melalui Emel Dapatkan Maklumat Perbankan](#)

[Parlimen: Dasar Bioteknologi Negara Tarik Pelaburan Baharu RM5.4 Bilion](#)

[MAS Optimis Terus Aktif Walau Pun Berhadapan Cabaran](#)

[Binary Sediakan Pelajar Untuk Menjadi Usahawan](#)

[Scomi Marine Tamatkan Cadangan Jual Ekuiti](#)

iklan

HARI KOPERASI NEGARA
Transformasi Koperasi Menjana Ekonomi Rakyat
8-10 Julai 2011
Medan Letak Kereta
Istana Kehakiman,
Putrajaya
Dirasmikan oleh
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia
9 Julai 2011 - 8.30 pagi



Bahan ini tidak boleh diulang terbit, ulang siar, tulis kembali atau diulang edar melainkan dengan kebenaran bertulis dari pihak BERNAMA.
Paparan terbaik menggunakan Firefox 3.0 & Internet Explorer 7.0 dalam resolusi 1024 x 768 piksel